

20 APR 2000

MAHATHIR-GABENOR/I

KERAJAAN BELUM BUAT KEPUTUSAN TENTANG GABENOR BARU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih belum membuat keputusan tentang pelantikan gabenor baru Bank Negara Malaysia bagi menggantikan Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman yang tamat tempoh kontraknya akhir bulan ini.

"Mereka perlu meneliti beberapa perkara terlebih dahulu dan kami sedang dalam perbincangan dengan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mengenai pelantikan itu," katanya.

Dr Mahathir telah diminta mengulas tentang laporan akhbar semalam yang membayangkan bahawa bekas Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed akan menjadi gabenor baru Bank Negara.

Menjawab soalan sama ada Mustapa akan dilantik sebagai gabenor, beliau berkata: "Datuk Mustapa belum berjumpa dengan saya. Saya juga tidak tahu sama ada beliau telah menemui Daim."

Ditanya sama ada beliau akan menggalakkan Ali supaya kekal sebagai gabenor, beliau berkata: "Anda tanya soalan (yang) saya tak boleh jawab, jika saya jawab, susahlah saya."

Tentang nama-nama yang akan mengisi jawatan tersebut, beliau berkata memang ada beberapa nama "tetapi saya tidak akan mengumumkannya sekarang."

Calon-calon yang mungkin termasuklah penasihat bank pusat itu, Datuk Nor Mohamed Yakcop, Timbalan Gabenor Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan pengarah urusan Malayan Banking Bhd, Datuk Amirsham Aziz.

Bagainapun, laporan selanjutnya hari ini berkata bahawa Nor Mohamed dijangka dinaikkan pangkat sebagai seorang lagi timbalan gabenor bank itu.

Ditanya sama ada akan berlaku perubahan pada dasar bank pusat itu berikutan pertukaran gabenor, Perdana Menteri berkata: "Rasanya tidak."

"Antara 1969 dan 1999, kita terus mempunyai kerajaan yang sama dan dasar yang sama, dan kita tidak menghadapi masalah," katanya.

Sementara itu, apabila ditanya tentang perkembangan terbaru mengenai tabung industri insurans yang mungkin dipindahkan dari Bank Negara, beliau berkata beliau tidak tahu menahu mengenainya, sambil menambah bahawa Menteri Kewanganlah yang harus ditanya tentang perkara itu.

Katanya jika benar, ia cuma merupakan satu perubahan kecil.

Ditanya tentang penyusunan semula Penerbangan Malaysia (MAS) sekarang yang akan mengakibatkan penjualan sebahagian daripada saham-saham pemegang ekuiti utama MAS, Naluri Bhd, kepada pihak asing, beliau berkata: "Saya percaya Naluri telahpun menafikan dakwaan bahawa ia mahu menjual sebahagian daripada sahamnya kepada pihak asing.

"Kita boleh menjual sedikit saham asalkan Naluri mengekalkan kuasanya ke atas MAS," kata Dr Mahathir, sambil menambah bahawa identiti nasional penting dipelihara.

Naluri yang kini memiliki 29.9 peratus syarikat penerbangan nasional itu, bercadang untuk menjual sebahagian daripada kepentingannya sebagai sebahagian daripada skim penyusunan hutangnya yang kini sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat. -- BERNAMA

RIZ SA/MR KY JR